KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Penduduk Kampung Bukit Berapit bimbang dengan kemunculan harimau kumbang

Pekebun terserempak harimau kumbang lintas jalan

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

KUALA KANGSAR

Seorang pekebun terkejut apabila terserempak dengan haiwan dipercayai seekor harimau kumbang ketika melalui Kampung Bukit Berapit, Kuala Kenas di sini pada Rabu.

Sahefol Azli Shah, 46, berkata, kelibat mamalia itu dilihat melintas jalan di kawasan kebun getah dan sawit ketika dia memandu kereta untuk mengambil anaknya di sekolah berhampiran.

"Kira-kira jam 12.50 tengah hari saya terlihat harimau bersaiz besar berjalan perlahan ketika melintas jalan sebelum hilang di hutan berhampiran.

"Ini pertama kali saya ternampak haiwan itu sepanjang membesar di kampung ini. Selalunya hanya mendengar cerita penduduk sahaja," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Menurutnya, penemuan itu menyebabkan penduduk bimbang dengan keselamatan diri mereka.

"Orang kampung yang bekerja di ladang sawit dan penoreh getah mula takut untuk keluar tambahan ini adalah jalan utama untuk ke pekan atau ke sekolah.

"Keselamatan kanak-kanak yang menjadi keutamaan kerana jalan ini dilalui ketika mereka berbasikal dan berjoging waktu petang," katanya.

Penduduk, Omar Ali Othman, 37, berkata, mereka perlu terus bekerja di kebun sawit walaupun ada rasa bimbang dengan kehadiran haiwan itu.



Sahefol Azli menunjukkan lokasi dia melihat haiwan disyaki harimau kumbang melintas di Kampung Bukit Berapit, Kuala Kenas, Kuala Kangsar.

"Ada penduduk mendakwa terdengar bunyi seperti ngauman tetapi tidak dapat dipastikan arah mana.

"Saya sendiri ada pengalaman pernah jumpa tapak seperti harimau dua tahun lalu. Kali ini kami perlu lebih berhati-hati dan peka dengan keadaan sekeliling," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak, Yusoff Shariff ketika dihubungi mengesahkan menerima aduan penduduk tersebut.

"Pengadu memaklumkan dia tidak berapa pasti jenis haiwan yang dilihatnya kerana memakai cermin mata hitam. Penduduk lain mendakwa tidak melihat haiwan tersebut.

"Kita juga tidak menerima laporan kejadian serangan membabitkan haiwan ternakan oleh harimau namun, tindakan lanjut sedang diambil," katanya.